

HARI PENDAFTARAN PELAJAR BARU PASCASISWAZAH
TARIKH : 11 MAC 2021
MASA : 9.00 PAGI SEHINGGA 4.30 PETANG
TEMPAT : PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH UTEM

PELAJAR BAHARU UTEM PERLU MEMASTIKAN:

Peraturan Umum

- a. Pelajar dan pengiring dikehendaki untuk mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang berkuat kuasa di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- b. Pelajar dan pengiring perlu memakai *face mask* dan menggunakan *hand sanitizer* serta mengamalkan penjarakan sosial sepanjang masa.
- c. Penggunaan ruang dan fasiliti yang tidak terlibat secara langsung dengan proses pendaftaran adalah tidak dibenarkan kecuali Masjid Sayyidina Abu Bakar, UTeM dan Kafeteria.
- d. Tindakan boleh diambil sekiranya gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh UTeM.

Sebelum Memasuki kampus

- a. Menerima tawaran kemasukan daripada UTeM.
- b. Melakukan proses setuju terima tawaran pada Sistem Permohonan Atas Talian (<https://portal.utem.edu.my/PostGraduate/defaultNew.aspx>). Rujuk lampiran A
- c. Pelajar perlu membuat **Deklarasi Kesihatan (Pelajar Baharu)** (HDF) melalui Aplikasi e-TAP di *address bar* <https://pkp.utem.edu.my> dan perlu mengikuti SOP UTeM yang telah ditetapkan (Rujuk Lampiran : User Manual Kemasukan Secara Fizikal).
- d. Maklumat dalam Aplikasi e-TAP ini hanya boleh diisi **satu (1) hari sebelum atau pada hari pendaftaran**.
- e. Pelajar perlu memastikan diri berada dalam keadaan sihat sebelum memasuki UTeM.

Semasa di kampus

Pintu Masuk Utama

- a. Pelajar perlu memaparkan pas kebenaran masuk di *dashboard* hadapan kenderaan masing-masing.
- b. Pelajar perlu menunjukkan status HDF melalui aplikasi e-TAP (paparan hijau) kepada Petugas.
- c. Saringan suhu akan dilakukan di pintu masuk utama. Suhu 37.5 °C dan ke atas tidak dibenarkan masuk. Sekiranya Pelajar tidak dibenarkan masuk disebabkan oleh faktor kesihatan, sila maklumkan kepada Pusat Pengajian Siswazah di talian 06-270 1952/2797/2794 untuk tindakan selanjutnya.
- d. Pelajar dan pengiring perlu memakai *face mask* dan menggunakan *hand sanitizer* serta mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang masa.
- e. Hanya pelajar sahaja dibenarkan masuk ke dalam dewan pendaftaran.
- f. Pengiring hanya boleh berada di lobi dewan atau kawasan yang disediakan sahaja.

Dewan Pendaftaran Pelajar Baharu

- a. Pelajar perlu memakai *face mask* dan menggunakan *hand sanitizer* serta mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang masa.
- b. Hanya pelajar sahaja dibenarkan masuk ke dalam dewan pendaftaran.
- c. Pengiring hanya boleh berada di lobi dewan atau kawasan yang disediakan sahaja.
- d. Penggunaan ruang dan fasiliti yang tidak terlibat secara langsung dengan proses pendaftaran adalah tidak dibenarkan.
- e. Sekiranya berlaku sebarang kes-kes kecemasan, Kaunter Perubatan disediakan sepanjang tempoh pendaftaran pelajar baharu dilaksanakan.